

22/02/2003

Negara anggota diminta tingkat kerjasama ekonomi

KERJASAMA ekonomi di kalangan negara anggota Pergerakan Negara Berkecuali

(NAM) perlu dipertingkatkan jika mahu dunia mengambil serius mengenai pandangan dan cadangan yang hendak diketengahkan pada peringkat global, terutama jika membabitkan isu antarabangsa.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata penguasaan dari segi ekonomi adalah penting jika mahu memastikan suara NAM didengari dan diberi perhatian oleh kuasa besar dunia.

"Penguasaan ekonomi ini boleh menjadi kenyataan jika wujud kerjasama bagi membangunkan infrastruktur negara anggota NAM kerana ia boleh dijadikan pemangkin merencanakan kegiatan ekonomi setempat yang dalam jangka panjang memanfaatkan semua.

"Pada peringkat antarabangsa, sumbangan dagangan negara NAM secara keseluruhan hanya 14 peratus dan ini terlalu rendah untuk memberi kesan pada peringkat global kerana kebanyakan ekonomi anggota NAM masih bergantung kepada kuasa besar.

"Justeru, kadar kemiskinan tinggi yang membelenggu negara NAM wajar dihapuskan terlebih dulu jika kuasa dari segi politik mahu ditingkatkan,"

katanya dalam satu sidang akhbar di sini, semalam.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kadar dagangan antarabangsa NAM pada tahap 14 peratus masih terlalu rendah untuk menarik perhatian dunia.

Kata Syed Hamid, isu itu turut dibangkitkan beberapa anggota NAM pada mesyuarat forum ekonomi dan sosial yang berakhir, semalam, rata-rata menyuarakan keperluan jalinan kerjasama lebih berkesan bagi meningkatkan kadar dagangan, sekurang-kurangnya sesama negara anggota.

Katanya, sidang NAM ke-13 di Kuala Lumpur turut mencatatkan satu pencapaian positif apabila persetujuan sebulat suara dicapai bagi menjadikan forum ekonomi sebagai satu agenda tetap persidangan itu pada masa depan.

"Kebanyakan negara NAM berpendapat kepentingan mereka yang menganggotainya akan lebih terjaga dari segi ekonomi apabila globalisasi dan liberalisasi menjadi agenda baru dunia, tanpa perlu khuatir atau bimbang mengenai monopoli kuasa besar," katanya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid juga memaklumkan bahawa mesyuarat peringkat pegawai kanan NAM (SOM) berhubung isu ekonomi serta sosial selain isu politik berjalan lancar dan satu draf kenyataan bersama dijangka dirangka sebelum mesyuarat peringkat menteri bermula.